

**CADANGAN KERJA-KERJA PEMBAIKAN BUMBUNG DAN PAIP SALUR AIR HUJAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI PANGSAPURI MAWAR JAYA, JALAN KP 4/3, KOTA PERDANA, SERI KEMBANGAN, SELANGOR DARUL EHSAN.**

**NO. SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/7/41**

BIL.	HURAIAN KERJA	JUMLAH (RM)
	<p><b>KEHENDAK PERMULAAN DAN SYARAT-SYARAT AM</b> Menyediakan perkara-perkara berikut:-</p>	
A	<p>Kerja-kerja awalan seperti penyediaan pengangkutan oleh pihak kontraktor bagi menghantar ke tapak serta mengeluarkan dari tapak peralatan/mesin/ jentera (<i>skylift / backhoe/ baby roller</i>)/ loji/lori, buruh, penyediaan laluan keluar/masuk sementara bagi kerja pembaikan bumbung dan lain-lain kerja berkaitan mengikut kesesuaian penggunaannya di tapak. (sila rujuk lampiran di dalam <i>Preambles</i>)</p>	
	<p><b>Perlindungan Takaful / Perlindungan Insurans</b></p>	
B	<p>i) Polisi Takaful / Insurans Tanggungan Awam (iaitu Insurans / Takaful terhadap bencana kepada orang-orang dan kerosakan kepada harta)</p>	
C	<p>ii) Polisi Takaful / Insurans Kerja</p>	
D	<p>iii) Nombor-nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja</p>	
	<p><b>**petender adalah digalakkan untuk mengambil pelan perlindungan <i>Takaful berbanding pelan Perlindungan Insurans.</i></b></p>	
	<p><b>Papantanda Projek</b></p>	
E	<p>Kerja-kerja bekal dan pasang satu (1) papantanda projek mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Hendaklah dipasang sebelum projek berjalan hingga siap projek termasuk membuka dan membawa keluar dari tapak.</p>	
	<p><b>Laporan Bergambar</b></p>	
F	<p>Menyediakan laporan bergambar sebelum, sedang dan selepas kerja dijalankan di tapak. Penyediaan tuntutan bayaran lengkap dengan gambar sebelum, semasa dan selepas siap kerja dan dijilidkan, diserahkan semasa membuat tuntutan pembayaran lengkap dengan <i>invoice</i>, borang <i>taking off</i>, pelan lokasi kerja, gambar kerja berserta tarikh dan dijilid kemas.</p>	
	<p><b>Peralatan Keselamatan</b></p>	
G	<p>Penyediaan peralatan keselamatan yang mencukupi semasa bekerja seperti papantanda amaran / lalulintas, topi keselamatan, but keselamatan, <i>safety vest</i>, <i>full body harness</i>, bendera, lampu bikon, kon dan lain-lain keperluan yang berkaitan sepanjang tempoh kerja untuk semua pekerja / kakitangan kontraktor.</p>	
	<p><b>Penyediaan Jadual Perancangan Kerja (<i>Work Programme</i>)</b></p>	
H	<p>Menyediakan dan mengemukakan Jadual Perancangan Kerja (<i>Work Programme</i>) sebelum kerja di tapak bagi memantau dan mengenalpasti status kemajuan kerja di tapak dari masa ke semasa.</p>	
<b>JUMLAH DI BAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM) :</b>		